

FOTO: SAIFULLIZAN TAMADI



PELAJAR menerima sijil selepas menderma darah.

120 SISWA UPM DERMA DARAH

Varsity Carnival pupuk tanggungjawab sosial terhadap masyarakat

Amri Mutalib
gen.y@hmetro.com

Majlis Tertinggi Mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan kempen derma darah sempena Varsity Carnival yang disertai mahasiswa Kolej 12 di Dewan PJSD, baru-baru ini.

Kempen berkenaan bertujuan memupuk tanggungjawab sosial mahasiswa terhadap masyarakat untuk menderma darah.

Pegawai Perubatan Pusat Darah Negara Dr Isya Fatimi berkata, sambutan yang diterima amat menggalakkan apabila mendapat penyertaan 120 mahasiswa.

"Kami tetapkan sasaran 50 bekalan darah pada hari pertama, tetapi pada tiga jam terawal sambutannya amat memberangsangkan dengan 100 bekalan darah," katanya.

Menurutnya, dia juga mempunyai penderma darah tetap yang menjadi tulang belakang bagi membekalkan darah.

"Seperti kita tahu, amalan menderma darah dalam kalangan masyarakat di negara

ini masih di tahap rendah sehingga mengakibatkan risiko berlakunya kekurangan darah terutama bagi yang memerlukan dalam keadaan terdesak.

Nor Atieka Ramli, 21, dari Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi berkata, kebanyak masyarakat masih kurang kefahaman tentang amalan derma darah.

"Setiap kali menderma darah, kita dapat menyelamatkan tiga nyawa," katanya yang pernah menderma darah sebanyak tiga kali.

Urusetia program, Ahamad Sofwan Abdul Razak berkata karnival itu bukan sahaja mengadakan kempen derma darah malah turut menjemput pihak luar menyewa tapak jualan dan memberi pendedahan kepada mahasiswa mengendali program.

Varsity Carnival Universiti Putra Malaysia yang diadakan selama seminggu itu turut mengadakan aktiviti sampingan seperti 'Alumni Talk', 'Giant Bubble', tayangan filem, ceramah perniagaan dan berkayak.



KEMENYERAHAN derma darah dapat sambutan.



PEMERIKSAAN tekanan darah sebelum menderma.